

5

Prestasi Kewangan Sektor Awam

Prestasi 1994

Tinjauan Keseluruhan

Kerajaan meneruskan dasar fiskal berhemat dan berdisiplin dalam pengurusan kewangan sektor awam untuk mengukuhkan lagi kedudukan kewangannya serta menyokong dasar kewangan ketat untuk terus mengawal permintaan berlebihan dan mengurangkan tekanan harga dalam ekonomi. Oleh yang demikian, pengurusan kewangan Kerajaan terus menekan usaha untuk mengukuhkan asas hasil dan menggalakkan tabungan bagi mengekalkan tingkat pelaburan dan pertumbuhan. Bagi tujuan ini, langkah menyusun semula sistem cukai diteruskan dalam Belanjawan 1994 untuk mewujudkan suasana yang lebih menarik bagi pelaburan dan inisiatif sektor swasta. Pelepasan cukai juga diberikan untuk mengurangkan beban golongan yang berpendapatan rendah serta mengurangkan lagi dan memansuhkan duti import bagi mengawal kenaikan harga. Bagi perbelanjaan, walaupun perbelanjaan yang tidak produktif dikawal ketat, Kerajaan menambah perbelanjaan pembangunan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi terutamanya infrastruktur bagi mengatasi halangan fizikal dan pembangunan sumber manusia bagi memenuhi keperluan tenaga manusia khususnya untuk tenaga mahir dan separuh mahir. Di samping itu, Kerajaan terus mengambil langkah untuk suai-saiz perkhidmatan awam serta mengurangkan beban kewangannya dengan mempercepatkan program penswastan serta menyatukan beberapa agensi Kerajaan.

Jadual 5.1

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Yang Disatukan (RM juta)

	1993 ¹	1994 ²	1995 ³
Akaun Semasa:			
Sektor kerajaan:			
Hasil	51,913	55,862	57,265
Perbelanjaan mengurus	38,532	41,523	40,627
Baki Akaun semasa	13,381	14,339	16,638
lebih semasa PABK	7,162	10,193	10,202
Lebih semasa sektor awam	20,543	24,532	26,840
Akaun Pembangunan:			
Perbelanjaan pembangunan	21,426	27,635	30,372
Baki keseluruhan	-883	-3,103	-3,532
% kepada KNK	-0.6	-1.8	-1.8
Nota: ¹ anggaran sebenar. ² anggaran disemak. ³ anggaran Belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai 1995.			

Dasar belanjawan berhemat dan perbelanjaan cermat telah menyumbang kepada peningkatan ketara tabungan awam pada tahun ini dengan sektor awam sekali lagi dijangka mencatat lebih semasa yang besar sebanyak RM24,532 juta. Hasil sektor kerajaan dijangka meningkat sebanyak 7.6% manakala perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 7.8%. Berikutan dengan itu, lebih semasa dijangka meningkat kepada RM14,339 juta dalam tahun 1994 (1993: RM13,381 juta). Di samping itu, Perusahaan Awam Bukan

¹ Sektor awam meliputi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun dan PABK. Sektor awam tanpa PABK dikenali sebagai sektor kerajaan.


Kewangan (PABK) dijangka sekali lagi mencatat lebihan mengurus yang besar sebanyak RM10,193 juta berikutan prestasi yang baik secara keseluruhannya. Oleh itu, lebih akaun semasa sektor awam dijangka meningkat kepada RM24,532 juta, lebih tinggi berbanding dengan lebihan sebanyak RM20,543 juta pada tahun 1993. Lebihan semasa sektor awam dijangka meningkat dalam tahun 1994 berikutan lebihan yang besar dalam akaun semasa Kerajaan Persekutuan dan PABK. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan sektor awam dalam tahun 1994 dijangka meningkat sebanyak 29% daripada RM21,426 juta pada tahun 1993 kepada RM27,635 juta berikutan pelaksanaan semakin pesat projek-projek Rancangan Malaysia Keenam (RM6) pada akhir tempoh Rancangan. Pertambahan ini sebahagian besarnya berpunca daripada peningkatan perbelanjaan PABK yang merupakan 54.7% daripada jumlah kenaikan perbelanjaan pembangunan sektor awam. Berikutan dengan itu, baki keseluruhan sektor awam dijangka mencatat defisit yang lebih besar sebanyak RM3,103 juta atau 1.8% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam tahun 1994 berbanding dengan defisit sebanyak RM885 juta atau 0.6% daripada KNK pada tahun 1993.

Kerajaan Persekutuan

Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat belanjawan berimbang bagi tahun kedua berturut-turut dalam tahun 1994 dengan lebihan keseluruhan dianggarkan lebih besar berbanding dengan tahun 1993. Berikutan prestasi ekonomi yang terus kukuh serta perolehan yang ketara daripada penswastaan, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah sebanyak 9.6% kepada RM45,692 juta berbanding dengan kenaikan sebanyak 6.2% pada tahun 1993. Walau bagaimanapun, kadar pertambahan perbelanjaan mengurus dijangka lebih rendah iaitu 4.8% kepada RM33,753 juta. Oleh itu, akaun semasa dijangka mencatat lebihan yang besar sebanyak RM11,939 juta berbanding dengan RM9,474 juta pada tahun sebelumnya. Dengan perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak 23.5% kepada RM12,502 juta, baki keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat lebihan sebanyak RM637 juta.

Carta 5.1


Kewangan Kerajaan Persekutuan - Akaun Semasa



Hasil

Dari segi hasil, Kerajaan terus memperbaiki struktur cukai yang telah dimulakan sejak 1988 dengan memperkenalkan beberapa langkah percukaian. Kadar cukai pendapatan syarikat terus dikurangkan daripada 34% pada tahun 1993 kepada 32% dalam tahun 1994 bagi menjadikannya lebih bersaing dengan kadar yang terdapat di negara-negara jiran. Pakej percukaian dalam tahun 1994 juga melibatkan pelepasan cukai yang lebih tinggi dan galakan cukai yang lebih menarik manakala duti import ke atas lebih daripada 500 barangan sama ada dikurangkan atau dimansuhkan. Sungguhpun potongan dan pelepasan cukai menyebabkan potensi hasil hilang sebanyak RM1.9 bilion dalam tahun 1994, tetapi kehilangan tersebut telah lebih ditampung oleh kutipan hasil yang bertambah berikutan prestasi ekonomi yang kukuh serta jentera pungutan cukai yang lebih cekap.

Carta 5.2
Peratusan Defisit / Lebihan Keseluruhan
Kepada Keluaran Negara Kasar



Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 9.6% kepada RM45,692 juta berbanding dengan kenaikan sebanyak 6.2% pada tahun 1993. Pertambahan yang paling ketara ialah hasil bukan cukai khususnya terimaan daripada jualan saham Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TMB) dan Perbadanan Industri Berat Malaysia Berhad (HICOM). Bagi hasil cukai, sumbangan yang lebih rendah daripada pendapatan berasaskan petroleum serta pelepasan cukai yang diberikan dalam Belanjawan 1994 telah mengurangkan prestasi kukuh kutipan cukai pendapatan syarikat dan individu. Oleh itu jumlah hasil cukai meningkat sederhana. Pendapatan berasaskan petroleum dijangka merosot berikutan kejatuhan harga minyak mentah pada tahun 1993 dan 1994 yang menjejaskan kutipan cukai pendapatan petroleum, duti eksport dan royalti petroleum. Di samping itu, beberapa pelepasan cukai yang diberikan dalam Belanjawan 1994 untuk mengurangkan tekanan inflasi dan menyusun semula sistem cukai bagi meningkatkan aktiviti dan daya saing sektor swasta dijangka menyebabkan kehilangan hasil sebanyak RM1.9 bilion. Dari segi peratusan kepada KNK, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka merosot sedikit daripada 26.9% pada tahun 1993 kepada 26.5% pada tahun 1994.

Jadual 5.2

Hasil Kerajaan Persekutuan


	1993 ¹		1994 ²		1995 ³	
	RM juta	(%) perubahan	RM Juta	(%) perubahan	RM Juta	(%) perubahan
Jumlah hasil	41,691	(+6.2)	45,692	(+9.6)	47,641	(+4.3)
Jumlah hasil cukai	31,900	(+10.9)	34,639	(+8.6)	37,880	(+9.4)
Cukai langsung	17,070		18,533		20,186	
Cukai tak langsung	14,830		16,106		17,694	
Hasil bukan cukai	9,791	(-6.6)	11,053	(+12.9)	9,761	(-11.7)

Nota: ¹ anggaran sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran Belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai 1995.

Carta 5.3
Komponen Utama Hasil Kerajaan Persekutuan



Cukai langsung dijangka mencatat kenaikan sederhana sebanyak 8.6% berbanding dengan pertumbuhan dua angka 10.8% pada tahun 1993. Kenaikan sederhana kutipan cukai pendapatan syarikat dan individu dijangka dikurangkan lagi oleh sumbangan yang lebih rendah daripada cukai pendapatan petroleum. Kutipan cukai pendapatan petroleum dijangka terus merosot sebanyak 25.4% berikutan kejatuhan harga minyak mentah daripada AS\$20.74 setong pada tahun 1992 kepada AS\$18.79 setong pada tahun 1993 di samping pengurangan pengeluaran. Bagi cukai pendapatan syarikat dan individu, pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan peningkatan kecekapan jentera kutipan hasil telah menyumbang kepada kutipan cukai yang lebih besar walaupun mengalami kehilangan potensi hasil sebanyak RM472 juta berikutan pengurangan kadar cukai pendapatan syarikat daripada 34% kepada 32%, di samping kehilangan potensi hasil sebanyak RM194 juta berikutan kenaikan potongan kepada majikan ke atas caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau lain-lain kumpulan wang yang diluluskan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1994. Oleh itu, kutipan daripada cukai pendapatan syarikat dijangka meningkat dengan perlahan berbanding dengan tahun 1993, mengurangkan sumbangan cukai langsung kepada jumlah hasil kepada 40.6% berbanding dengan 40.9% pada tahun 1993.

Jadual 5.3

Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan

	1993 ¹		1994 ²		1995 ³	
	RM juta	(%) perubahan	RM Juta	(%) perubahan	RM Juta	(%) perubahan
Cukai pendapatan	15,658	(+8.9)	16,394	(+4.7)	17,825	(+8.7)
Syarikat	8,551	(+13.6)	9,540	(+11.6)	10,589	(+11.0)
Individu	4,248	(+23.5)	4,722	(+11.2)	5,241	(+11.0)
Petroleum	2,859	(-16.3)	2,132	(-25.4)	1,995	(-6.4)
Lain-lain	1,412	(+38.3)	2,139	(+51.5)	2,361	(+10.4)
Duti setem	1,215		1,984		2,202	
Lain-lain	197		155		159	
JUMLAH	17,070	(+10.8)	18,533	(+8.6)	20,186	(+8.9)

Nota: ¹ anggaran sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran Belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai 1995.

Jadual 5.4
Cukai Tak Langsung Kerajaan Persekutuan

	1993 ¹		1994 ²		1995 ³	
	RM juta	(%) perubahan	RM Juta	(%) perubahan	RM Juta	(%) perubahan
Duti eksport	1,464	(-13.3)	1,127	(-23.0)	989	(-12.2)
Duti import	4,566	(+4.2)	5,325	(+16.6)	6,014	(+12.9)
Duti eksais	3,713	(+21.3)	4,118	(+10.9)	4,579	(+11.2)
Cukai jualan	3,468	(+12.5)	3,733	(+7.6)	4,114	(+10.2)
Cukai perkhidmatan	613	(+90.4)	686	(+11.9)	757	(+10.3)
Lain-lain	1,006	(+21.1)	1,117	(+11.0)	1,241	(+11.1)
JUMLAH	14,830	(+10.9)	16,106	(+8.6)	17,694	(+9.9)

Nota: ¹ anggaran sebenar.

² anggaran disemak.

³ anggaran Belanjawan, tidak termasuk perubahan cukai 1995.

Hasil daripada cukai tak langsung dijangka meningkat lebih perlahan berikutan kemerosotan terimaan daripada duti eksport ke atas petroleum akibat harga minyak mentah yang berterusan jatuh dalam tahun 1994. Duti import iaitu penyumbang terbesar bagi cukai tak langsung dijangka mendapat faedah daripada pertumbuhan import yang tinggi. Walau bagaimanapun kutipan daripada duti eksais dijangka meningkat perlahan sebanyak 10.9% berbanding dengan 21.3% pada tahun 1993. Cukai jualan pula meningkat sederhana sebanyak 7.6% berbanding dengan 12.5% pada tahun 1993. Kenaikan yang lebih rendah ini adalah berikutan pengurangan dan pemansuhan duti eksais dan cukai jualan bagi beberapa barangan untuk menggalakkan pengeluaran dan meningkatkan daya saing barangan keluaran tempatan. Pengurangan dan pemansuhan cukai jualan khususnya komponen mesin termasuk komponen penjana, turbin dan mesin pengimpal dijangka menyebabkan kehilangan potensi hasil sebanyak RM121 juta manakala pengurangan duti eksais dijangka menyebabkan kehilangan potensi hasil sebanyak RM60 juta. Terimaan daripada cukai perkhidmatan dijangka meningkat berikutan


pertambahan asas cukai perkhidmatan bagi mengambil kira perkhidmatan yang disediakan oleh doktor pergigian, doktor haiwan, ruangan letak kereta dan perkhidmatan hantar cepat berkuatkuasa mulai 1 Januari 1994. Sebaliknya, jumlah hasil daripada duti eksport dijangka terus berkurangan sebanyak 23% kepada RM1,127 juta berikutan kemerosotan duti eksport petroleum yang merangkumi hampir keseluruhan daripada kutipan duti eksport.

Hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 12.9% kepada RM11,053 juta berbanding dengan kejatuhan sebanyak 6.6% pada tahun 1993. Kenaikan ini disebabkan perolehan daripada jualan saham Kerajaan dalam TNB, TMB dan HICOM yang semuanya berjumlah RM2.7 bilion.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 4.8% berbanding dengan kenaikan hanya 0.4% pada tahun 1993.

Carta 5.4
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



Kenaikan ini berpunca daripada bekalan dan perkhidmatan dan emolumen. Pertambahan perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan adalah lebih ketara iaitu sebanyak 21.6% berbanding dengan 12% pada tahun 1993. Peningkatan ini berpunca daripada peruntukan yang tinggi untuk program penyelenggaraan khas bagi memastikan kualiti, kecekapan dan kemudahan perkhidmatan awam sentiasa dikekalkan.

Perbelanjaan bagi **emolumen**, iaitu komponen terbesar perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sebanyak 5.8% bagi memenuhi keperluan untuk kenaikan gaji tahunan dan pengambilan kakitangan baru dalam perkhidmatan yang penting terutamanya pendidikan dan kesihatan. Bagi mengawal kenaikan perbelanjaan emolumen, Kerajaan terus mengambil langkah untuk mengoptimalkan tenaga kerjanya dengan menyatukan beberapa agensi, mengurangkan kakitangan bagi sektor yang tidak kritikal di samping menswastakan perkhidmatan dan agensi sektor

Jadual 5.5

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek (RM juta)

	1994 Anggaran disemak	% Sumbangan	1995 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Emolumen	12,488	37.0	12,470	36.3
Bayaran khidmat hutang	7,136	21.1	7,231	21.0
Geran kepada kerajaan negeri	1,378	4.1	1,406	4.1
Pencen dan ganjaran	2,355	7.0	2,413	7.0
Bekalan dan perkhidmatan	5,047	15.0	5,241	15.2
Subsidi	548	1.6	660	1.9
Lain-lain	4,801	14.2	4,974	14.5
JUMLAH	33,753	100.0	34,395	100.0

awam. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memperbadankan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) pada Julai 1994 menjadi Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan pensyarikatan ini dapat mengurangkan bilangan kakitangan awam sebanyak kira-kira 4,000 orang. Pada tahun 1993, perbelanjaan Kerajaan untuk emolumen bagi LPN melibatkan RM54.5 juta. Di samping itu, kajian sedang dijalankan untuk menyemak semula agensi-agensi pembangunan wilayah (RDAs) sebagai sebahagian daripada langkah untuk memperbaiki perkhidmatan awam.

Bayaran khidmat hutang iaitu komponen kedua terbesar dalam perbelanjaan mengurus dijangka berkurangan kepada RM7,136 juta. Ini menyebabkan peratusan bayaran khidmat hutang kepada jumlah perbelanjaan mengurus terus berkurangan kepada 21.1%. Ini adalah selaras dengan matlamat kerajaan untuk mengurangkan peratusan tersebut sehingga 20% daripada peratusan tertinggi hampir 30% dalam tahun 1980an. Pengurangan ini mencerminkan dasar fiskal berhemat yang berterusan di samping pengurusan hutang yang berkesan. Pada masa yang sama, bayaran khidmat hutang luar negeri terus berkurangan selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan pinjaman luar negeri dan lebih bergantung kepada pasaran dalam negeri sebagai sumber pembiayaan, di samping membuat bayaran balik awal kepada pinjaman luar negeri yang lebih mahal. Berikutan dengan itu, bayaran khidmat hutang luar negeri dijangka merosot sebanyak 18.8%. Walau bagaimanapun, bayaran khidmat hutang dalam negeri dijangka meningkat sebanyak 3.8% terutamanya disebabkan kenaikan (61%) bayaran faedah untuk pinjaman bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP).

Perbelanjaan untuk **bekalan dan perkhidmatan** dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 21.6% terutamanya disebabkan perbelanjaan bekalan dan penyelenggaraan yang lebih tinggi untuk jalan, hospital, sekolah dan bangunan kerajaan lain. Bayaran **pencen dan ganjaran** dalam tahun 1994 dijangka meningkat hanya 1.5% berikutan caruman yang lebih besar kepada Kumpulan Wang Pencen daripada RM608 juta pada tahun 1993 kepada RM695 dalam tahun 1994.

Jadual 5.6
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan
Persekutuan Mengikut Sektor
(RM juta)

	1994 Anggaran disemak	% Sumbangan	1995 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Keselamatan	5,149	15.3	5,460	15.9
Pertahanan	3,249	9.6	3,418	9.9
Keselamatan dalam negeri	1,900	5.6	2,042	5.9
Perkhidmatan sosial	11,501	34.1	11,514	33.5
Pendidikan	8,111	24.0	8,178	23.8
Kesihatan	2,043	6.1	2,180	6.3
Perumahan	285	0.8	86	0.3
Lain-lain	1,062	3.1	1,070	3.1
Perkhidmatan ekonomi	3,312	9.8	2,892	8.4
Pertanian	1,217	3.6	1,159	3.4
Kemudahan awam	128	0.4	55	0.2
Perdagangan dan perindustrian	566	1.7	657	1.9
Pengangkutan	1,343	4.0	960	2.8
Perhubungan	28	0.1	30	0.1
Lain-lain	30	0.1	31	0.1
Pentadbiran am	3,686	10.9	3,863	11.2
Lain-lain perbelanjaan	10,105	29.9	10,666	31.0
JUMLAH	33,753	100.0	34,395	100.0

Geran dan bayaran pindahan kepada kerajaan negeri dijangka meningkat 5.8%. Pertambahan terbesar ialah geran penyelenggaraan jalan raya dan geran kiraan kepala. Geran penyelenggaraan jalan raya kekal sebagai komponen terbesar bagi perbelanjaan ini berjumlah RM419 juta atau 30.4% daripada jumlah geran. Geran mengikut kiraan kepala iaitu komponen kedua terbesar dijangka meningkat sebanyak 8.3% kepada RM195 juta atau 14.2% daripada jumlah geran disebabkan pertambahan bilangan penduduk di negeri-negeri. Geran penyelenggaraan jalan raya juga dijangka meningkat 5.9% setelah lebih banyak jalan raya

layak di beri geran ini. Perbelanjaan **subsidi** dijangka berkurangan sebanyak 7% berikutan pengurangan subsidi harga padi sebanyak 2.1% kepada RM413 juta disebabkan pengeluaran padi yang lebih rendah. Di samping itu, subsidi buku teks dijangka berkurangan daripada RM76 juta pada tahun 1993 kepada RM60 juta oleh kerana sebahagian daripada buku-buku teks di bawah program ini telah pun dibeli pada tahun 1993. Subsidi harga padi dan buku teks dijangka berjumlah kira-kira 86.3% daripada perbelanjaan subsidi. Komponen subsidi yang lain (termasuk subsidi bahan petroleum, subsidi rancangan makanan tambahan dan subsidi pengangkutan) dijangka berjumlah RM75 juta atau 13.7% daripada jumlah subsidi.

Bagi perbelanjaan mengikut sektor pula, perbelanjaan terbesar ialah untuk sektor **perkhidmatan sosial** yang dijangka meningkat sebanyak 10.8% dan merupakan 34.1% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan terbesar disediakan untuk program kesihatan dan pendidikan, khususnya emolomen bagi guru-guru dan kakitangan perubatan di samping untuk penyelenggaraan sekolah dan hospital. Di samping itu, perbelanjaan untuk perumahan dijangka meningkat dengan ketara daripada RM52 juta pada tahun 1993 kepada RM285 juta pada tahun 1994 berikutan peruntukan berjumlah RM150 juta kepada Tabung Perumahan Kos Rendah untuk golongan termiskin. Perbelanjaan untuk sektor **perkhidmatan ekonomi** dijangka meningkat sebanyak 31.9% disebabkan terutamanya perbelanjaan yang lebih besar untuk pengangkutan. Perbelanjaan untuk sektor **keselamatan** dijangka meningkat hanya 0.4% khususnya untuk menampung pembelian bekalan dan perkhidmatan. Kira-kira 63.1% adalah untuk pertahanan dan baki selebihnya untuk keselamatan dalam negeri. Perbelanjaan untuk **pentadbiran am** yang merupakan 10.9% daripada jumlah perbelanjaan mengurus dijangka berkurangan kepada RM3,686 juta berikutan perbelanjaan yang lebih rendah untuk bayaran balik.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan dalam tahun 1994 dijangka meningkat sebanyak 23.5% kepada RM12,502 juta apabila pelaksanaan projek-projek

Jadual 5.7



Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Bagi Sektor Perkhidmatan Ekonomi (RM juta)

	1994		1995	
	Anggaran disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,472	23.3	1,482	23.2
Kemudahan awam	808	12.8	861	13.5
Perdagangan dan perindustrian	1,035	16.4	1,008	15.8
Pengangkutan	2,963	46.9	2,989	46.8
Perhubungan	8	0.1	14	0.2
Lain-lain	34	0.5	31	0.5
JUMLAH	6,320	100.0	6,385	100.0

RM6 semakin pesat dijalankan pada akhir tempoh Rancangan. Kerajaan telah meningkatkan siling peruntukan untuk RM6 daripada RM55 bilion kepada RM58.5 bilion bagi memenuhi keperluan pembiayaan tambahan sebahagian besarnya kerana perubahan skop dan peningkatan kos bagi projek yang sedang dijalankan serta membiayai projek-projek baru. Tumpuan perbelanjaan pembangunan dalam tahun 1994 terus diberikan kepada pembangunan infrastruktur dan sumber manusia bagi mengatasi kesesakan infrastruktur di samping untuk memenuhi keperluan tenaga manusia yang meningkat khususnya tenaga mahir dan separuh mahir.

Seperti yang ditunjukkan dalam Carta 5.5, program dibawah sektor perkhidmatan ekonomi mencatat perbelanjaan terbesar (50.6%) diikuti oleh perkhidmatan sosial (23.6%) yang merangkumi pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan dan lain-lain perkhidmatan sosial. Perbelanjaan untuk sektor keselamatan pula dijangka berjumlah 19.9% dan baki sebanyak 6% adalah untuk pentadbiran am.

Carta 5.5
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan Mengikut Sektor



Bagi sektor **perkhidmatan ekonomi**, perbelanjaan untuk pengangkutan dijangka meningkat sebanyak 10.6%, menjadikannya perbelanjaan terbesar di bawah sektor perkhidmatan ekonomi. Perbelanjaan yang tinggi ini selaras dengan penekanan berterusan untuk mengembang dan memodenkan rangkaian pengangkutan negara dengan sebahagian besarnya iaitu sebanyak 66.8% daripada jumlah perbelanjaan pengangkutan adalah untuk pembinaan jalan dan jambatan. Ini termasuk pembinaan Jalan raya Simpang Pulai-Gua Musang-Kuala Berang, Jalan raya Timur-Barat-Butterworth, Projek Tambak Johor dan jalan raya utama di Sabah dan Sarawak. Di samping itu sejumlah RM400 juta akan digunakan untuk projek landasan keretapi berkembar dan keretapi elektrik antara Kuala Lumpur dan Port Kelang dan antara Rawang dan Seremban untuk meningkatkan keupayaan pengendalian kargo dan penumpang. Sejumlah RM177 juta dijangka dibelanjakan untuk projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang iaitu sebahagian daripada sumbangan Kerajaan yang berjumlah RM934 juta kepada jumlah kos projek yang dianggarkan berjumlah antara RM9 bilion hingga RM10 bilion. Baki selebihnya akan dibiayai melalui pinjaman daripada institusi kewangan swasta yang akan dibuat oleh KLIA Berhad. Kira-kira RM54 juta daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan digunakan untuk meningkat dan membesarkan lapangan terbang lain di Kuantan, Subang, Senai, Pulau Pinang dan Langkawi.

Kerajaan terus membangunkan sektor pertanian dengan menambah perbelanjaan untuk sektor ini kepada RM1,472 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM429 juta atau 29.1% akan dibelanjakan untuk program pertanian terutamanya untuk projek pembangunan pertanian bersepadu (IADP). Perbelanjaan untuk program pembangunan tanah dijangka berjumlah 22.2% iaitu untuk projek-projek yang akan dijalankan oleh agensi-agensi pembangunan tanah dan wilayah. Perbelanjaan untuk program perparitan dan saliran dijangka berjumlah RM217 juta terutamanya untuk mengatasi banjir dan menghalang hakisan pantai. Projek-projek lain di bawah pertanian dan pembangunan luar bandar termasuk tanam semula getah, industri ternakan, perikanan, perhutanan dan projek-projek lain yang berkaitan, dengan perbelanjaan berjumlah RM500 juta atau 40% daripada perbelanjaan bagi pertanian dan pembangunan luar bandar.

Program perdagangan dan perindustrian dijangka melibatkan perbelanjaan RM1,035 juta, khususnya untuk pembangunan industri, pelancongan dan penyelidikan industri. Program pembangunan industri mencatatkan peratusan terbesar, meliputi sumbangan secara langsung dan pinjaman kepada kementerian, agensi dan institusi kerajaan. Kerajaan terus membantu pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) untuk mengukuhkan lagi struktur industri dan juga untuk menggalakkan pelaburan dalam negeri. Kira-kira RM63 juta dijangka akan dibelanjakan untuk pembangunan IKS khususnya untuk penyediaan tapak dan infrastruktur. Perbelanjaan untuk penyelidikan industri dijangka meningkat sekali ganda kepada RM257 juta terutamanya untuk agensi-agensi seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Unit Tenaga Nuklear, Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia (MIMOS) dan Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) selaras dengan penekanan Kerajaan kepada penyelidikan dan pembangunan teknologi (R&D). Sebagai

Jadual 5.8

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Bagi Program Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (RM juta)

	1994		1995	
	Anggaran disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pertanian	428.8	29.1	538.9	36.4
Pembangunan tanah	326.9	22.2	231.6	15.6
Perparitan dan saliran	216.7	14.7	240.7	16.2
Tanam semula getah	170.6	11.6	128.5	8.7
Perikanan	74.5	5.1	113.1	7.6
Ternakan	34.5	2.3	36.3	2.5
Perhutanan	26.2	1.8	44.6	3.0
Lain-lain	194.1	13.2	148.5	10.0
JUMLAH	1,472.3	100.0	1,482.2	100.0

Jadual 5.9

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Bagi Program Perdagangan dan Perindustrian (RM juta)

	1994		1995	
	Anggaran disemak	% Sumbangan	Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pembangunan industri	400.5	38.7	576.2	57.2
Pelancongan	285.1	27.6	165.0	16.4
Penyelidikan industri	257.4	24.9	197.2	19.5
Kawasan perindustrian	56.4	5.4	54.3	5.4
Lain-lain	35.2	3.4	15.0	1.5
JUMLAH	1,034.6	100.0	1,007.7	100.0

sebahagian daripada langkah untuk menggalakkan sektor perkhidmatan di samping mengatasi defisit perkhidmatan yang meningkat, sejumlah RM285 juta dijangka akan dibelanjakan untuk program pelancongan.

Sejumlah RM808 juta akan dibelanjakan untuk kemudahan awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM656 juta akan digunakan untuk bekalan air manakala RM152 juta lagi untuk bekalan elektrik khususnya program elektrik luar bandar. Dengan pelaksanaan program ini, adalah dijangkakan 80% daripada penduduk luar bandar akan dapat menikmati bekalan air bersih dan 98% akan mendapat bekalan elektrik pada akhir tahun 1994.

Perbelanjaan pembangunan untuk sektor **perkhidmatan sosial** dijangka meningkat sebanyak 32.8%. Pendidikan dijangka mencatat perbelanjaan terbesar diikuti oleh perkhidmatan kesihatan. Perbelanjaan bagi pendidikan dijangka meningkat sebanyak 32.7% selaras dengan tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pendidikan bagi menyediakan rakyat Malaysia dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai. Perbelanjaan yang lebih tinggi adalah untuk menampung pembinaan 135 buah bangunan sekolah baru termasuk sekolah-sekolah teknik dan vokasional, cawangan

baru kampus Institut Teknologi MARA (ITM) di Melaka dan Pahang, kampus Universiti Islam Antarabangsa di Gombak dan universiti baru di Sarawak serta untuk menambahkan kemudahan-kemudahan pendidikan yang lain. Perbelanjaan untuk kesihatan juga dijangka meningkat selaras dengan penekanan yang diberikan kepada perkhidmatan kesihatan bagi meningkatkan lagi taraf hidup. Kira-kira RM120 juta dijangka akan dibelanjakan untuk pembinaan hospital yang sedang dilaksanakan termasuk 12 hospital nukleus yang dijangka siap pada tahun 1994. Baki sebanyak RM178 juta dijangka dibelanjakan untuk pembinaan klinik desa, poliklinik, pusat kesihatan, pusat latihan dan asrama serta menggantikan peralatan hospital.

Perbelanjaan untuk perumahan dijangka meningkat dengan pesat daripada RM167 juta pada tahun 1993 kepada RM392 juta selaras dengan keperihatinan Kerajaan untuk mengatasi masalah perumahan yang dialami oleh anggota-anggota tentera dan polis serta golongan berpendapatan rendah terutamanya di bandar-bandar utama. Sejumlah RM169 juta akan dibelanjakan untuk program perumahan angkatan tentera dan Polis DiRaja, manakala perbelanjaan untuk projek perumahan kos rendah dijangka berjumlah RM71 juta. Perbelanjaan ini walau bagaimanapun, tidak termasuk sumbangan kepada Tabung Perumahan Kos Rendah. Perbelanjaan untuk program lain di bawah sektor perkhidmatan sosial seperti penerangan dan penyiaran, kebudayaan, belia dan program sukan serta lain-lain perkhidmatan sosial dijangka mencatatkan 23.7% daripada jumlah perbelanjaan untuk sektor perkhidmatan sosial.

Jadual 5.10

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan
Persekutuan Bagi Sektor
Perkhidmatan Sosial
(RM juta)**

	1994 Anggaran disemak	% Sumbangan	1995 Peruntukan Belanjawan	% Sumbangan
Pendidikan	1,561	52.9	2,043	54.2
Kesihatan	298	10.1	438	11.6
Perumahan	392	13.3	493	13.1
Lain-lain	698	23.7	795	21.1
JUMLAH	2,949	100.0	3,769	100.0

Perbelanjaan untuk sektor **keselamatan** dijangka berjumlah RM2,484 juta. Daripada jumlah tersebut, RM2,164 juta adalah untuk pertahanan. Perbelanjaan ini sebahagian besarnya adalah untuk membeli peralatan tentera dan menggantikan peralatan yang ada. Sejumlah RM320 juta dijangka akan dibelanjakan untuk keselamatan dalam negeri khususnya projek Polis DiRaja termasuk pembinaan ibu pejabat polis, balai polis, kem polis serta pembelian pesawat.

Sumbangan perbelanjaan untuk **pentadbiran** di bawah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah paling rendah. Perbelanjaan ini termasuk perbelanjaan untuk perkhidmatan jabatan dan perkhidmatan luar negeri seperti pembelian peralatan pejabat, ubahsuai pejabat dan pembinaan bangunan Kerajaan. Sejumlah RM749 juta dijangka akan dibelanjakan untuk sektor ini.

Pembiayaan

Belanjawan berimbang yang dicapai pada tahun 1994 tidak memerlukan Kerajaan membuat pinjaman bagi membiayai perbelanjaannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membuat beberapa pinjaman pada tahun 1994 bagi tujuan pengurusan hutang dan untuk menambahkan instrumen kewangan khususnya bagi sistem perbankan Islam. Bagi tujuan pengurusan hutang, Kerajaan telah membuat bayaran balik awal pinjaman yang mahal dengan mendapatkan pinjaman dalam negeri yang lebih murah. Dalam bulan April 1994, Kerajaan telah membuat bayaran balik awal satu pinjaman pasaran berjumlah RM1,615 juta dibiayai dengan pengeluaran Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Beberapa bayaran balik awal lagi mungkin dibuat dalam tempoh sehingga akhir tahun 1994. Bagi tujuan mewujudkan instrumen kewangan tambahan, Kerajaan telah mengeluarkan Sijil Pelaburan Kerajaan (SPK) sebanyak RM3,000 juta bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap instrumen perbankan secara Islam.

Sehingga bulan Julai 1994, pinjaman kasar dalam negeri melalui pengeluaran kertas-kertas Kerajaan yang terdiri dari SKM dan SPK berjumlah RM5,500 juta. Selepas mengambil kira penebusan sebanyak RM3,749 juta, jumlah pinjaman bersih dalam negeri adalah sebanyak RM1,751 juta berbanding dengan RM375 juta dalam tahun 1993.

Pinjaman kasar luar negeri dalam tahun 1994 dijangka berjumlah RM900 juta sebahagian besarnya dari pengeluaran pinjaman projek yang sedia ada. Berikutan bayaran balik yang dianggar sebanyak RM981 juta, pinjaman bersih bagi pinjaman projek dijangka mencatatkan aliran keluar yang lebih kecil iaitu RM81 juta. Selain daripada itu, Kerajaan telah membuat satu pembiayaan semula sebanyak RM776 juta dan bayaran balik awal pinjaman pasaran berjumlah RM1,615 juta. Oleh itu, pinjaman luar negeri bersih dijangka mencatatkan aliran keluar yang lebih kecil bernilai RM2,073 juta berbanding dengan RM3,135 juta pada tahun 1993.

Kerajaan Negeri

Kedudukan kewangan Kerajaan negeri yang disatukan dijangka lebih lemah dengan lebihan akaun semasa dijangka berkurangan sebanyak 53.3%. Kemerosotan tersebut disebabkan jumlah hasil yang lebih rendah sementara perbelanjaan mengurus lebih tinggi. Kutipan hasil dijangka berkurangan 3.1% sementara perbelanjaan mengurus pula dijangka meningkat 17.7%. Di samping itu, perbelanjaan pembangunan juga dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 21.0%, dan dengan itu meningkatkan defisit keseluruhan Kerajaan negeri kepada RM2,687 juta. Defisit keseluruhan pada tahun 1994 dijangka dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan (RM213 juta) dan penggunaan aset Kerajaan negeri.

Prestasi kewangan setiap negeri berbeza-beza. Sebelas negeri dijangka mencatat defisit keseluruhan, sementara dua negeri dijangka mencatat lebihan. Defisit tersebut berjumlah antara RM3 juta bagi Pulau Pinang sehingga RM856 juta bagi Sabah sementara lebihan pula ialah RM26 juta bagi Pahang dan RM27 juta bagi Kedah.

Hasil Kerajaan negeri dari sumber sendiri yang disatukan dijangka terus berkurangan kepada RM5,330 juta dalam tahun 1994 selepas merosot 0.8% pada tahun 1993. Hasil dari sumber sendiri merupakan 75.2% daripada jumlah hasil disatukan. Kemerosotan ini disebabkan oleh kutipan hasil yang lebih rendah daripada cukai berasaskan tanah. Walau bagaimanapun, kutipan hasil dari sumber sendiri dijangka lebih tinggi bagi lima negeri iaitu Sabah, Sarawak, Terengganu, Pahang dan Pulau Pinang, sementara negeri-negeri lain mencatat jumlah hasil sendiri yang lebih rendah.

Hasil berasaskan petroleum dan hutan dijangka terus merupakan sumber utama iaitu 51.2% daripada sumber sendiri. Jumlah royalti petroleum yang diterima oleh Terengganu, Sabah dan Sarawak dijangka merosot 5.2% daripada RM672 juta pada tahun 1993 kepada RM637 juta pada tahun 1994. Bagi negeri Terengganu, royalti petroleum dijangka berjumlah RM423 juta dan merupakan 83.1% daripada jumlah hasil sendiri negeri tersebut. Bagi Sabah, royalti petroleum berjumlah RM61 juta atau 4.4% daripada jumlah hasil sendiri sementara royalti petroleum bagi Sarawak berjumlah RM153 juta atau 8.8% daripada jumlah hasil sendiri negeri tersebut. Hasil berasaskan hutan dijangka merupakan 39.2% daripada jumlah hasil sumber sendiri disatukan dengan jumlah kutipan dijangka meningkat kepada RM2,091 juta berbanding dengan RM1,636 juta pada tahun 1993. Hasil berasaskan hutan dari Sabah dan Sarawak merupakan 93.9% daripada jumlah hasil berasaskan hutan.

Jadual 5.11
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri
Yang Disatukan
(RM juta)

	1993 ¹	% perubahan	1994 ²	% perubahan
Akaun semasa				
Hasil	6,979	1.0	6,762	-3.1
Perbelanjaan mengurus	4,929	-2.7	5,804	17.7
Baki akaun semasa	2,050	11.2	958	-53.3
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	3,295	-7.2	3,941	19.6
Kumpulan wang pembangunan	2,806	-10.5	3,183	13.4
Kumpulan wang bekalan air	489	17.5	758	55.0
Terimaan balik pinjaman	283	11.9	296	4.6
Perbelanjaan pembangunan bersih	3,012	-8.7	3,645	21.0
Defisit keseluruhan	-962		-2,687	

¹ Anggaran sebenar

² Anggaran

Terimaan dari pemberian dan bayaran ganti daripada Kerajaan Persekutuan merupakan 21.3% daripada jumlah hasil Kerajaan negeri disatukan. Dalam tahun 1994, pemberian Kerajaan Persekutuan dijangka berjumlah RM1,378 juta berbanding dengan RM1,302 juta pada tahun 1993. Pertambahan pemberian Kerajaan Persekutuan sebahagian besarnya ialah untuk penyelenggaraan jalan yang dijangka meningkat 5.9% kepada RM419 juta tahun 1994. Bayaran ganti daripada Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan daripada RM104 juta pada tahun 1993 kepada RM54 juta pada tahun 1994.

Jumlah perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri dijangka meningkat sebanyak 17.7% dengan pertambahan terutamanya untuk emolumen, bekalan dan perkhidmatan. Peningkatan yang ketara ialah di Sabah, Sarawak dan Selangor. Bekalan dan perkhidmatan merupakan 27.2% daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri diikuti oleh emolumen sebanyak 22%.

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan negeri dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 21% bagi membantu pertumbuhan ekonomi dan perbandaran yang pesat dinegeri-negeri. Semua negeri kecuali Kedah dijangka mencatat pertambahan perbelanjaan pembangunan dengan pertambahan besar di negeri Johor, Pahang, Selangor dan Sabah. Kira-kira 13.2% daripada perbelanjaan pembangunan negeri, adalah untuk sektor ekonomi seperti infrastruktur, pertanian dan pembangunan luar bandar. Perbelanjaan tersebut dijangka meningkat 11.8% daripada RM431 juta pada tahun 1993 kepada RM482 juta pada tahun 1994. Perbelanjaan modal bagi bekalan air dijangka bertambah dengan ketara sebanyak 61% bagi memenuhi permintaan industri, perdagangan dan persendirian.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Kedudukan kewangan PABK dijangka bertambah baik pada tahun 1994 dengan lebih semasa dijangka meningkat 26.3% berikutan prestasi mereka yang meningkat hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan kejayaan penyusunan semula kebanyakan syarikat-syarikat tersebut semenjak beberapa tahun lepas. Ini telah membantu meningkatkan keuntungan PABK².

Walaupun bagaimanapun, berikutan pertambahan perbelanjaan pembangunan yang besar, akaun keseluruhan disatukan bagi PABK dijangka mencatatkan defisit yang besar sebanyak RM1,605 juta berbanding dengan lebih sebanyak RM33 juta dalam tahun 1993.

Berikutan penjualan beberapa PABK, bilangan PABK yang diawasi untuk tujuan analisa ekonomi telah berkurang kepada 41 pada tahun 1994. Lebih semasa 41 PABK tersebut dijangka lebih kukuh seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.12. Lebih tersebut disumbang khususnya oleh PABK utama seperti TNB, TMB, Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dan HICOM.

Perbelanjaan pembangunan bagi 41 PABK berkenaan dijangka bertambah sebanyak 46%, khususnya bagi pelaburan untuk meningkatkan keupayaan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kemudahan awam, pengangkutan, perkilangan dan barangan. TMB akan membelanjakan RM4,138 juta pada tahun 1994 bagi meningkatkan lagi perkhidmatan telekomunikasi termasuklah Sistem Kabel Dasar Laut Dalam Negeri yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dan projek bagi melengkapkan Labuan dengan sistem perhubungan yang canggih sesuai dengan statusnya sebagai pusat kewangan luar pesisir antarabangsa. TNB dijangka membelanjakan RM3,114 juta bagi menambah keupayaan penjanaan, pengagihan dan penyaluran. Di samping itu, PETRONAS dijangka berbelanja sebanyak RM7,400 juta bagi kegiatan huluan dan hiliran. Ini termasuklah pembinaan loji Gas Cecair Asli Malaysia Kedua (MLNG2) dan pembelian kapal tangki tambahan bagi gas cecair asli (LNG). Selain daripada itu, perbelanjaan oleh PABK lain untuk meningkatkan infrastruktur dijangka bertambah khususnya oleh KTMB dan pihak berkuasa pelabuhan.

Dalam tahun 1994, Kerajaan terus menjual pegangan saham dalam PABK. Dalam bulan Februari 1994, Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) dan Petronas Dagangan Berhad telah disenaraikan di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Selain daripada itu, Kerajaan melalui Bank Negara telah menjual 32% daripada pegangannya dalam Sistem Penerbangan Malaysia

² Berdasarkan data daripada Unit Pengumpulan Maklumat (CICU), daripada 702 PABK, 72.1% telah memperolehi keuntungan pada tahun 1992. Sektor yang paling menguntungkan ialah kemudahan awam dan kewangan.

Jadual 5.12

**Kedudukan Kewangan PABK Disatukan¹
1993 - 1994
(RM juta)**

	1993	% perubahan	1994	% perubahan
Hasil	44,343	5.3	46,605	5.1
Perbelanjaan mengurus	35,968	8.0	36,029	0.2
Imbangan semasa	8,375	-4.9	10,576	26.3
Perbelanjaan pembangunan	8,342	21.4	12,181	46.0
Imbangan keseluruhan	33		-1,605	

¹ Merujuk kepada 42 PABK pada tahun 1993 dan 41 tahun 1994.

Berhad (MAS) berjumlah 224 juta saham kepada Malaysia Helicopter Services Berhad dan 11.5% lagi berjumlah 80.9 juta saham kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Bank Negara pula telah menjual 220.1 juta saham atau 29.3% daripada pegangan dalam Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) kepada KWAP.

Dari segi pegangan Kerajaan dalam syarikat-syarikat Kerajaan yang diswastakan serta agensi dan jabatan Kerajaan yang diperbadankan, bilangan syarikat dan ekuiti yang dipegang oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MOF Inc.) telah bertambah. Sehingga bulan Januari 1994, MOF Inc. telah memegang saham dalam 37 syarikat termasuk yang disenaraikan di BSKL dengan nilai tara RM7,595 juta dan nilai pasaran kira-kira RM72,000 juta. Bagaimanapun, bagi memastikan pelaburan Kerajaan dalam syarikat-syarikat berkenaan diuruskan dengan berkesan, sebuah syarikat induk Khazanah Holding Berhad (Khazanah), iaitu subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh MOF Inc. telah ditubuhkan pada 3 September 1993 dengan modal dibenarkan RM500 juta dan modal berbayar RM100 juta. Khazanah akan memegang dan menguruskan pelaburan ekuiti Kerajaan dengan tujuan memaksimumkan pulangan daripada pelaburan tersebut.

Hutang Negara

Hutang negara dijangka meningkat kepada 37.1% daripada KNK daripada 33.4% pada tahun 1993 berikutan pertambahan yang besar pinjaman

luar negeri PABK dan sektor swasta bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka. PABK dan sektor swasta membuat pinjaman luar negeri walaupun terdapat lebih mudah tunai dalam sistem bank tempatan. Keadaan ini wujud kerana merebut peluang pembiayaan yang lebih menarik di pasaran modal luar negeri.

Jumlah pinjaman bersih dijangka bertambah sebanyak RM12,531 juta dalam tahun 1994 (RM5,416 juta pada tahun 1993). Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.13, semua komponen hutang negara, kecuali hutang luar Kerajaan Persekutuan, dijangka meningkat dengan ketara. Walaupun hutang luar Kerajaan Persekutuan berkurangan 10.9%, nisbah hutang luar sektor awam terhadap jumlah hutang negara dijangka berkurangan sedikit sahaja kepada 69.6%, berikutan daripada pertambahan besar hutang PABK sebanyak 60.1%. Hutang sektor swasta dijangka meningkat 27.2% dan merupakan 30.4% daripada jumlah hutang negara.

Hutang luar PABK dijangka berjumlah RM27,268 juta pada tahun 1994 (42.6% daripada hutang negara) disebabkan terutamanya oleh pembesaran dan pemodenan PABK seperti PETRONAS, TNB dan MAS. Daripada jumlah tersebut, 15% dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Selain daripada itu, hutang sektor swasta dijangka meningkat 27.2% kepada RM19,482 juta disebabkan pertambahan pinjaman luar negeri sektor swasta berikutan kos pembiayaan yang lebih rendah dipasaran modal luar negeri.

Jumlah hutang **Kerajaan Persekutuan** dijangka berkurangan sedikit sahaja iaitu pada kadar 0.2% kepada RM95,685 juta dalam tahun 1994 berikutan pinjaman dalam negeri yang besar yang dijangka meningkat sebanyak 2.5% dan merupakan 82% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Pertambahan pengeluaran SPK yang besar menyebabkan hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan meningkat dengan ketara dalam tahun 1994. Pada akhir tahun 1994, jumlah SPK belum selesai dijangka meningkat kepada RM4,800 juta. Sebaliknya SKM belum selesai dijangka berkurangan sebanyak 1.6%. Bagaimanapun SKM masih merupakan pegangan hutang terbesar iaitu 82.8% daripada jumlah hutang dalam negeri. Pegangan-pegangan hutang lain terdiri daripada Bil Perbendaharaan dan pinjaman KWPP.

Jadual 5.13
Hutang Luar Negeri


	1993			1994		
	RM Juta	% Perubahan	% Sumbangan	RM Juta	% Perubahan	% Sumbangan
Sektor awam	36,398	12.6	70.4	44,527	22.3	69.6
Kerajaan Persekutuan	19,362	-7.5	37.5	17,259	-10.9	27.0
PABK	17,036	49.4	32.9	27,268	60.1	42.6
Dijamin	8,443	7.9	16.3	9,600	13.7	15.0
Tidak dijamin	8,593	140.2	16.6	17,668	105.6	27.6
Sektor swasta	15,314	46.4	29.6	19,482	27.2	30.4
HUTANG NEGARA	51,712	20.8	100.0	64,009	23.8	100.0

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih baik membolehkan kerajaan meneruskan bayaran balik awal hutang luar negeri. Dalam bulan April 1994, Kerajaan telah membuat bayaran balik awal pinjaman FRN 1985/2015 US\$600 juta berjumlah RM1,615 juta. Pada 17 Ogos 1994 Kerajaan membuat pinjaman pasaran berjumlah RM776 juta dengan syarat yang lebih baik bagi membiayai semula Pinjaman Persendirian Yen 30 bilion yang dibuat pada tahun 1986.

Pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan secara keseluruhan dijangka mencatatkan aliran keluar yang lebih kecil iaitu RM2,073 juta berbanding dengan RM3,134 juta dalam tahun 1993. Oleh itu, jumlah hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan selepas mengambil kira penilaian semula pertukaran asing, dijangka berkurangan kepada RM17,259 juta pada akhir tahun 1994 daripada RM19,362 juta pada akhir tahun 1993.

Kerajaan akan terus mengawasi keadaan pasaran bagi mendapatkan peluang-peluang untuk mengurangkan keseluruhan kos portfolio pinjaman. Sungguhpun tempoh baki pegangan hutang secara purata ialah 4.4 tahun, terdapat beberapa pinjaman jangka panjang dan mahal dalam portfolio pinjaman Kerajaan yang tidak boleh di buat bayaran balik

Carta 5.6
Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah Ke Atas Hutang Kerajaan Persekutuan



awal kecuali pada tarikh matang. Dalam hal ini, Kerajaan akan mengambil langkah untuk mengurangkan kos melalui berbagai cara termasuk opsen dan swap.

Pegangan dalam dolar Amerika Syarikat (AS) dijangka terus merupakan pegangan terbesar hutang luar negeri, dengan nilai dalam ringgit berjumlah RM7,759 juta atau 45% daripada jumlah hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, jumlah tersebut jauh lebih rendah berbanding dengan RM10,031 juta atau 52% dari hutang luar Kerajaan Persekutuan pada tahun 1993. Ini disebabkan oleh bayaran balik awal berjumlah RM\$1,615 juta bagi pinjaman luar negeri dalam dolar AS dalam tahun 1994. Bagi hutang dalam mata wang yen pula, walaupun beberapa bayaran balik awal telah dibuat, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan dalam matawang tersebut dijangka meningkat kepada 41% pada tahun 1994 (1993: 34%) berikutan kenaikan nilai yen. Pegangan matawang-matawang lain ialah deutschemark (4%), franc Switzerland (5.8%), pound sterling (1.7%) franc Perancis (1.6%) dan dolar Kanada (0.1%).


Jadual 5.14

**Hutang Kerajaan Persekutuan
(RM juta)**

Profil Hutang	1993	%	1994	%
Hutang dalam negeri	76,536	100.0	78,426	100.0
Bil Perbendaharaan	4,320	5.6	4,320	5.5
Sijil Pelaburan	2,000	2.6	4,800	6.1
Sekuriti Kerajaan	66,018	86.3	64,969	82.8
2 - 3 tahun	-	-	-	-
4 - 5 tahun	3,500		3,661	
6 - 10 tahun	13,336		13,589	
11 - 15 tahun	12,634		12,873	
16 - 21 tahun	36,548		34,846	
Pinjaman lain ¹	4,198	5.5	4,337	5.5
Hutang luar negeri	19,362	100.0	17,259	100.0
Pinjaman pasaran	11,596	59.9	9,495	55.0
Pinjaman projek	7,766	40.1	7,764	45.0
Kredit pembekal	0	0.5	0	0.0
JUMLAH	95,898		95,685	

¹ Terutamanya pinjaman yang dibuat oleh KWPP.


**Carta 5.7
Hutang Kerajaan Persekutuan**



Bayaran khidmat hutang Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan sebanyak 0.2% daripada RM7,137 juta dalam tahun 1993 kepada RM7,125 juta dalam tahun 1994, berikutan daripada pengurangan bayaran khidmat hutang luar negeri. Daripada jumlah tersebut, kira-kira RM6,049 juta atau 84.9% dijangka digunakan untuk bayaran khidmat hutang dalam negeri manakala bakinya untuk hutang luar negeri. Berikutan bayaran khidmat hutang luar negeri yang lebih rendah, nisbah khidmat hutang Kerajaan Persekutuan dijangka berkurangan kepada 1.5% daripada 2.8% pada tahun 1993.

Walaupun jumlah hutang negara meningkat, nisbah khidmat hutang negara dijangka berkurangan daripada 6.3% tahun 1993 kepada 4.7% tahun 1994, iaitu masih pada paras yang mampan dan jauh lebih rendah berbanding dengan parasnya yang tinggi pada tahun 1980an. Sungguhpun demikian, Kerajaan akan terus mengawal dan menyelia pinjaman luar negeri khususnya oleh PABK bagi memastikan pinjaman

Carta 5.8
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Sumber



berkenaan dibuat dengan syarat-syarat pinjaman yang berpatutan dan hanya untuk kegiatan-kegiatan yang produktif.

Tinjauan 1995


Tinjauan Keseluruhan

Pada tahun 1995, dasar fiskal Kerajaan akan terus ditumpukan kepada langkah-langkah untuk mengukuhkan lagi kewangan sektor awam dan mengawal perbelanjaan penggunaan selaras dengan langkah Kerajaan untuk mengurangkan inflasi. Pada masa yang sama, Kerajaan akan meningkatkan perbelanjaan pelaburan untuk memperbaiki lagi infrastruktur, perkhidmatan awam, menggalakkan pembangunan sumber manusia dan juga sains dan teknologi. Pakej fiskal merangkumi matlamat untuk mengawal inflasi, menggalakkan tabungan dan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing sektor swasta melalui penyusunan semula cukai yang berterusan.


Baki akaun semasa sektor awam disatukan dijangka terus menggalakkan berikutan kutipan hasil yang bertambah baik dan perbelanjaan penggunaan yang sentiasa berhemat. Hasil sektor kerajaan dijangka meningkat 2.5% manakala perbelanjaan mengurus berkurangan sebanyak 2.2%, meningkatkan lebih kepada RM16,638 juta pada tahun 1995. Di samping itu, PABK utama dijangka mengekalkan lebih mengurus yang tinggi pada tahun 1995 berikutan prestasinya yang kukuh. Oleh itu, akaun semasa sektor awam yang disatukan pada tahun 1995 dijangka mencatat lebih yang lebih besar berjumlah RM26,840 juta seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.1.

Jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam dijangka meningkat 9.9% kepada RM30,372 juta terutamanya disebabkan perbelanjaan pembangunan PABK yang lebih besar yang merupakan 46.7% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan sektor awam. Oleh yang demikian, defisit keseluruhan sektor awam yang disatukan pada tahun 1995 dijangka berjumlah RM3,532 juta atau 1.8% daripada KNK.

Carta 5.9
Hutang Luar Negeri Kerajaan Persekutuan
Mengikut Mata Wang



Carta 5.10
Nisbah Khidmat Hutang Luar Negeri



Kerajaan Persekutuan

Kedudukan belanjawan Kerajaan Persekutuan dijangka terus kukuh pada tahun 1995 berikutan kutipan hasil yang kian meningkat dan perbelanjaan mengurus yang terkawal. Oleh yang demikian, akaun semasa dijangka mencatat lebih sebanyak RM13,246 juta. Walaupun peruntukan perbelanjaan pembangunan meningkat pada tahun 1995, Kerajaan Persekutuan dijangka sekali lagi mencapai belanjawan berimbang pada tahun 1995. Kerajaan Persekutuan dijangka mencapai lebih keseluruhan bagi tahun ketiga berturut-turut pada tahun 1995, dengan lebih sebanyak RM543 juta.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sederhana sebanyak 4.3% kepada RM47,641 juta berikutan sumbangan yang lebih rendah hasil berdasarkan petroleum akibat kejatuhan harga minyak mentah kepada AS\$16.50 setong pada tahun 1994 (tahun asas bagi cukai tahun 1995) berbanding dengan AS\$18.79 setong pada tahun

1993. Berikutan dengan itu, kutipan cukai pendapatan petroleum dijangka berkurangan sebanyak 6.4% kepada RM1,995 juta pada tahun 1995.

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 1995 dijangka berjumlah RM34,395 juta, atau meningkat hanya 1.9%, berikutan peruntukan yang lebih rendah bagi emolumen dan bayaran balik perbelanjaan. Peruntukan untuk emolumen dijangka berkurangan sebanyak 0.1% iaitu mencerminkan langkah Kerajaan yang berterusan untuk suai-saiz sektor awam. Sebaliknya, perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan, khususnya penyelenggaraan dikekalkan di paras yang tinggi kerana penekanan Kerajaan untuk terus memperbaiki perkhidmatan awam dan kemudahan Kerajaan.

Peruntukan pembangunan dirancang sebanyak RM13,903 juta bagi membiayai pelaksanaan projek-projek dalam tahun akhir RM6. Tumpuan perbelanjaan pembangunan akan terus diberikan kepada infrastruktur, pembangunan sumber manusia, perumahan, pertanian dan pembangunan luar bandar serta pertahanan. Selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman daripada kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan lain, perbelanjaan pembangunan bersih pada tahun 1995 dijangka berjumlah RM12,703 juta. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan dianggar mencatat lebih keseluruhan sebanyak RM543 juta atau 0.3% daripada KNK.

Hasil

Hasil cukai Kerajaan Persekutuan diramal meningkat 9.4% selaras dengan prestasi ekonomi yang dijangka kukuh, khususnya permintaan dalam negeri pada tahun 1994 dan 1995. Walau bagaimanapun, peningkatan hasil cukai dijangka diperlahankan oleh kutipan yang lebih rendah daripada hasil bukan cukai yang dianggar berkurangan sebanyak 11.7% pada tahun 1995. Oleh itu, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan diramal meningkat sederhana sebanyak 4.3%.

Hasil daripada cukai langsung diramal meningkat sebanyak 8.9% kepada RM20,186 juta. Selaras dengan penyusunan semula cukai yang sedang dilaksanakan, Kerajaan telah mencadangkan dalam

Belanjawan 1994 untuk mengurangkan kadar cukai syarikat sebanyak 2% lagi kepada 30%, berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1995. Walaupun kadar ini dikurangkan, kutipan daripada cukai pendapatan syarikat dijangka meningkat sebanyak 11% berpunca daripada prestasi ekonomi yang lebih baik, oleh itu meningkatkan keuntungan syarikat, serta jentera kutipan cukai yang lebih cekap. Sebaliknya, cukai pendapatan petroleum diramal berkurang dengan ketara berikutan kejatuhan harga minyak mentah pada tahun 1994. Oleh yang demikian, pertambahan jumlah kutipan daripada cukai langsung secara keseluruhannya dijangka lebih perlahan iaitu 8.9%

Permintaan agregat yang terus kukuh dijangka meningkatkan lagi kutipan cukai tak langsung. Terimaan daripada cukai tak langsung dianggarkan meningkat sebanyak 9.9% pada tahun 1995, dengan kutipan yang tinggi dijangka diperolehi daripada duti import, duti eksais dan cukai jualan. Kutipan daripada duti import dijangka mencatat kenaikan dua angka sebanyak 12.9% kepada RM6,014 juta berikutan kenaikan ketara import kasar. Duti eksais yang dikenakan ke atas barangan yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang tempatan dijangka mencatat kenaikan 11.2% berikutan aktiviti perkilangan yang menggalakkan. Cukai jualan juga dijangka mencatat kenaikan dua angka selaras dengan pertumbuhan pesat perbelanjaan swasta.

Kutipan daripada hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil dijangka berkurangan 11.7% pada tahun 1995. Sebaliknya, royalti petroleum dijangka lebih tinggi, meningkat 3.5% kepada RM739 juta berikutan harga minyak mentah yang dijangka meningkat pada tahun 1995. Di samping itu, kutipan daripada cukai jalan dianggarkan meningkat kerana jualan kenderaan bermotor pada tahun 1995 dijangka terus kukuh.

Peruntukan Mengurus

Peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk perbelanjaan mengurus pada tahun 1995 dianggarkan meningkat hanya 1.9% kepada RM34,395 juta. Peruntukan untuk **emolumen** merosot 0.1% kepada RM12,470 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM10,825 juta akan dibelanjakan untuk bayaran gaji kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala RM1,645 juta lagi untuk kakitangan badan-badan berkanun. Walau bagaimanapun,

peruntukan untuk emolumen terus merupakan komponen terbesar perbelanjaan mengurus iaitu 36.3% pada tahun 1995. Peruntukan untuk **bayaran khidmat hutang** meningkat 1.3% kepada RM7,231 juta, iaitu merupakan 21.1% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Bayaran khidmat hutang luar negeri dianggarkan berkurangan 3.3% berikutan beberapa bayaran balik awal yang dibuat sejak tahun 1988. Sebaliknya, bayaran khidmat hutang dalam negeri dianggarkan meningkat 2.2% memandangkan peningkatan jumlah hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan.

Peruntukan untuk **bekalan dan perkhidmatan** meningkat sebanyak 3.8% kepada RM5,241 juta. Komponen utama ialah penyelenggaraan, bekalan bahan-bahan mentah dan perkhidmatan ikhtisas yang semuanya berjumlah 67% daripada keseluruhan peruntukan untuk bekalan dan perkhidmatan. Peruntukan untuk **pencen dan ganjaran** meningkat hanya 2.5% kepada RM2,413 juta bagi menampung pertambahan biasa bilangan pesara pada tahun 1995. Sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen dijangka kekal sebanyak RM695 juta.

Geran dan pindahan kepada kerajaan negeri dijangka meningkat hanya 2% kepada RM1,406 juta. Ini termasuk geran penyelenggaraan jalan raya, geran kiraan kepala, geran pertambahan hasil, kos pengurusan kepada jabatan di bawah senarai bersama Perlembagaan dan bayaran pindahan kepada Kumpulan Wang Cadangan Negeri. Kenaikan geran kepada kerajaan negeri terutamanya disebabkan oleh pertambahan geran untuk jabatan di bawah senarai bersama Perlembagaan yang dijangka meningkat sebanyak 9.6% kepada RM183 juta bagi membiayai kenaikan biasa kos pengurusan jabatan-jabatan berkenaan. Bagi **subsidi**, peruntukannya dijangka meningkat sebanyak 20.4% kepada RM660 juta, terutamanya bagi menampung kenaikan subsidi bahan petroleum dan subsidi untuk rancangan makanan tambahan. Subsidi bahan petroleum dijangka meningkat daripada RM65 juta dalam tahun 1994 kepada RM94 juta pada tahun 1995 bagi menampung kenaikan kos pengurusan pengeluaran LPG. Subsidi bagi rancangan makanan tambahan diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah rendah khususnya di luar bandar dan sekolah berasrama sebagai sebahagian daripada program pembangunan rakyat termiskin. Peruntukan untuk subsidi ini dijangka meningkat daripada RM43.2 juta dalam tahun 1994 kepada

RM72.9 juta berikutan semakan semula kadar subsidi daripada 45 sen kepada 80 sen bagi setiap pelajar di Semenanjung Malaysia dan daripada 60 sen kepada 90 sen bagi setiap pelajar di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, bilangan hari untuk perkiraan bantuan juga bertambah daripada 130 hari kepada 150 hari setahun.

Peruntukan untuk **lain-lain** perbelanjaan mengurus termasuk geran kepada badan berkanun, biasiswa dan bantuan pendidikan, pembelian harta, bayaran pengurusan kepada sekolah rendah dan menengah rendah serta bayaran balik dan hapus kira dianggar meningkat 3.6%. Geran kepada badan berkanun dijangka meningkat sebanyak 11.3% kepada RM819 juta kerana peruntukan yang lebih besar untuk universiti-universiti terutamanya untuk menampung kos penyelenggaraan, kerja-kerja pembaikan dan bekalan bahan-bahan. Sebanyak RM380 juta akan diperuntukkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk bayaran khidmat hutang. Peruntukan untuk biasiswa dan bantuan pendidikan meningkat sebanyak 13.5% kepada RM783 juta bagi menampung pertambahan biasiswa untuk pelajar-pelajar yang belajar di dalam dan di luar negara. Bayaran pengurusan kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah juga meningkat sebanyak 16.7% kepada RM665 juta berikutan pertambahan pelajar-pelajar. Di samping itu, peruntukan untuk pembelian harta dijangka meningkat untuk membeli peralatan pejabat seperti kemudahan komputer, peralatan dan pembaikan pejabat.

Dari segi sektoral, sektor **perkhidmatan sosial** kekal sebagai penerima terbesar dengan peruntukan sebanyak RM11,514 juta atau 33.5% daripada jumlah peruntukan sebahagian besarnya untuk pendidikan dan kesihatan. Sektor **keselamatan**, dengan peruntukan sebanyak RM5,460 juta, merupakan sektor kedua terbesar berjumlah 15.9% daripada keseluruhan peruntukan mengurus. Baki peruntukan sebanyak 11.2% adalah untuk **pentadbiran am** manakala sektor **perkhidmatan ekonomi** diperuntukkan 8.4% daripada jumlah perbelanjaan mengurus.

Peruntukan Pembangunan

Tumpuan peruntukan pembangunan pada tahun 1995 terus diberikan kepada usaha untuk mengukuhkan kapasiti pengeluaran ekonomi melalui infrastruktur dan pembangunan sumber manusia di samping membasmi kemiskinan.

Memandangkan tahun 1995 adalah tahun terakhir di bawah RM6, peruntukan pembangunan pada tahun 1995 adalah lebih besar iaitu RM13,903 juta. Peruntukan yang lebih tinggi diberikan kepada kebanyakan sektor khususnya sektor perkhidmatan sosial sebanyak RM3,769 juta dan sektor keselamatan sebanyak RM2,916 juta.

Sektor **perkhidmatan ekonomi** kekal sebagai sektor terbesar dengan diperuntukkan 45.9% daripada jumlah peruntukan pembangunan tahun 1995. Kira-kira 70% daripada peruntukan untuk sektor ini akan digunakan untuk projek infrastruktur, pertanian dan pembangunan luar bandar. Peruntukan untuk pengangkutan berjumlah RM2,989 juta atau 46.8% daripada jumlah peruntukan untuk sektor perkhidmatan ekonomi bagi meneruskan usaha untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur. Peruntukan untuk pengangkutan termasuk RM2,072 juta untuk jalan dan jambatan, RM474 juta untuk memperbaiki sistem keretapi, RM388 juta untuk lapangan terbang dan RM43 juta untuk pelabuhan dan jabatan marin dan RM12 juta untuk program lain. Antara projek utama termasuklah pembinaan Jalan Lingkaran-Tengah, Jalan antara Simpang Pulau dan Kuala Berang, Projek Tambak Johor dan skim penyuraian trafik di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Kerajaan akan terus meningkatkan dan membesarkan rangkaian jalan luar bandar dengan menyediakan peruntukan berjumlah RM254 juta. Kerja-kerja memperbaiki sistem keretapi akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM474 juta. Daripada jumlah tersebut, RM300 juta diperuntukkan untuk pembinaan projek landasan berkembar antara Rawang dan Seremban dan antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Kelang. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengatasi masalah kesesakan trafik di Kuala Lumpur, sejumlah RM90 juta akan diperuntukkan bagi melaksanakan fasa pertama projek Rail Transit Ringan (LRT) antara Jalan Ampang dan Jalan Sultan Ismail melalui Jalan Tun Perak. Di samping projek jalan dan keretapi, tumpuan juga diberikan kepada pembangunan lapangan-lapangan terbang dengan peruntukan berjumlah RM388 juta pada tahun 1995. Ini termasuk menaikkan taraf dan memperbaiki kemudahan lapangan terbang di Langkawi, Labuan, Bintulu dan Johor Bahru. Peruntukan untuk KLIA di Sepang berjumlah RM21 juta pada tahun 1995 yang merupakan sebahagian daripada sumbangan Kerajaan kepada projek ini, kebanyakannya untuk pengambilan balik tanah.

Peruntukan untuk pertanian dan pembangunan luar bandar meningkat kepada RM1,482 juta. Daripada jumlah tersebut, 36.4% adalah untuk program pertanian bagi projek IADP, subsidi baja padi dan projek yang dijalankan oleh agensi-agensi seperti KADA dan MADA. Program-program lain di bawah pertanian dan pembangunan luar bandar ialah pembangunan tanah, perparitan dan saliran dan program tanam semula getah.

Sejumlah RM1,008 juta atau 15.8% daripada peruntukan untuk sektor perkhidmatan ekonomi adalah untuk program perdagangan dan perindustrian. Projek utama di bawah sektor kecil ini ialah pembangunan perindustrian, penyelidikan dan pelancongan. Daripada jumlah peruntukan, sebanyak RM576 juta atau 57.1% adalah untuk program pembangunan perindustrian termasuk pinjaman dan geran kepada PABK dan agensi Kerajaan. Peruntukan yang lebih besar untuk program pembangunan industri bertujuan untuk menggalakkan eksport dan pelaburan khususnya pembangunan IKS. Pada tahun 1995, Kerajaan dijangka membelanjakan kira-kira RM197 juta untuk penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing industri tempatan. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus menggalakkan industri pelancongan bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini. Kira-kira RM165 juta akan dibelanjakan untuk program pelancongan khususnya pembangunan infrastruktur bagi pelancongan dan program pengindahan di seluruh negara.

Peruntukan untuk sektor **perkhidmatan sosial** adalah yang kedua terbesar iaitu 27.1% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan tenaga yang semakin meningkat di negara ini.

Peruntukan untuk pendidikan berjumlah RM2,043 juta, melebihi 30.9% daripada perbelanjaan tahun 1994. Kenaikan yang besar ini akan digunakan untuk pendidikan menengah, universiti-universiti dan pembinaan kediaman guru di luar bandar. Ini termasuk peruntukan permulaan sebanyak RM1 juta untuk Universiti Malaysia Sabah khususnya untuk kerja-kerja awal seperti bayaran juru perunding dan juru ukur. Peruntukan untuk perkhidmatan kesihatan juga meningkat sebanyak 47% kepada RM438 juta. Peruntukan yang besar ini bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan kemudahan kesihatan di hospital-hospital Kerajaan. Peruntukan untuk perumahan juga meningkat sebanyak 25.8% kepada RM493 juta. Baki sebanyak RM795 juta atau 21.1% daripada peruntukan untuk sektor perkhidmatan sosial adalah untuk penerangan dan penyiaran, kebudayaan, belia dan sukan serta lain-lain perkhidmatan sosial.

Sektor **keselamatan** terus menerima peruntukan yang besar, meningkat sebanyak 17.4% kepada RM2,916 juta. Peruntukan ini termasuk untuk melaksanakan program pertahanan bagi menggantikan pesawat-pesawat yang telah uzur di samping memoden dan meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia. Sejumlah RM359 juta atau 12.3% daripada jumlah peruntukan untuk sektor keselamatan ialah untuk keselamatan dalam negeri khususnya projek-projek untuk Polis DiRaja seperti pembinaan balai polis, pusat latihan dan pembelian peralatan.

Peruntukan untuk **pentadbiran am** berjumlah RM833 juta. Daripada jumlah tersebut, RM817 juta adalah untuk pembelian peralatan, pembinaan bangunan pejabat dan penyelenggaraan, manakala baki sebanyak RM16 juta adalah untuk perkhidmatan luar negeri.